

# Tidak timbul masalah tukar ketua

B.H - 7 SEP 1992

JAKARTA, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir yakin Malaysia tidak akan menghadapi masalah dalam proses pertukaran puucuk pimpinan negara kerana rakyat berpegang teguh kepada amalan demokrasi.

Malaysia sudah mengalami empat pertukaran perdana menteri tanpa sebarang sikap ekstrim atau ganas ditunjukkan rakyat hingga menimbulkan masalah besar kepada sistem politik negara.

Beliau berkata demikian sebagai menghuraikan kenyataannya dalam wawancara khas dengan rangkaian televisyen swasta Indonesia Rajawali Citra Televisi Indonesia (RCTI), malam tadi.

Perdana Menteri ditanya pendapatnya mengenai kesan dan proses per-

tukaran puucuk pimpinan tiga negara — Malaysia, Indonesia dan Singapura.

"Saya tidak boleh ber-cakap bagi pihak dua negara lain tetapi di Malaysia kita ada empat pertukaran perdana menteri sejak merdeka dan kita tidak menghadapi banyak masalah," katanya.

Dalam sidang akhbar sebelum berangkat pulang tengah hari ini beliau berkata keadaan ini wujud kerana rakyat Malaysia percaya kepada amalan demokrasi.

Sehubungan itu Dr Mahathir berkata, sistem dan amalan politik Malaysia kini dijadikan pedoman kepada beberapa negara membangun lain.

"Dalam pertemuan dua hala dengan pemimpin beberapa negara anggota NAM, ada yang ingin be-

lajar mengenai sistem politik Malaysia terutama konsep perikatan Barisan Nasional (BN).

"Mereka ingin tahu bagaimana kita boleh berjaya menggembeng parti politik pelbagai kaum dan mewujudkan kestabilan politik," katanya.

Beliau menegaskan kestabilan politik penting bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi negara-negara anggota NAM.

"Kitalihat saja di Indonesia dan Malaysia kita berjaya menikmati pembangunan negara kerana ada kestabilan politik," katanya.

Beliau berkata, setiap negara anggota NAM perlu memperkemas sistem ekonomi masing-masing jika mahu suara politik mereka mendapat perhatian masyarakat antarabangsa.